

03 OCT 1998

Zaharah-Moral

PEMIMPIN MESTI AMAL GAYA HIDUP SIHAT

JELI, 3 Okt (Bernama) -- Pemimpin di negara ini mesti mengamalkan gaya hidup yang sihat termasuk memiliki nilai moral yang tinggi dan pegangan agama yang kukuh.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, mereka yang memikul tanggungjawab mestilah jangan menampakkan seperti mendokong sifat-sifat yang tidak elok yang boleh merosakan agama, bangsa dan negara.

Pegangan dan pendirian individu itu mestilah berasaskan kepada pegangan agama, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Wanita peringkat jajahan Jeli di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menyatakan sokongannya terhadap pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa negara akan rosak binasa jika rakyat mengabaikan aspek moral dalam usaha mengejar kemajuan.

Siti Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata pelajar luar negara juga perlu ditanam dengan nilai-nilai moral yang tinggi agar segala tindakan mereka tidak bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran.

Ketika ditanya mengenai peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Siti Zaharah berkata Zahid telah membuat keputusannya dan kini terserah kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno, untuk tindakan selanjutnya.

Selain itu, beliau juga berkata Pergerakan Wanita Umno menyokong penuh Perhimpunan Perdana Pemuda Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional pada 10 Okt ini.

Beliau berkata, perhimpunan itu adalah sebagai usaha pemuda untuk menunjukkan komitmen bagi memperkukuhkan parti dan pergerakan wanita Umno akan memberi sokongan.

Semasa ditanya sama ada pergerakan wanita akan meminta supaya kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), ditambah untuk wakil wanita pada pilihan raya umum akan datang, Siti Zaharah berkata pergerakan itu akan membuat permohonan dan terserah kepada budi bicara Presiden parti.

"Kita akan minta lebih kerusi dalam nada yang boleh bertolak ansur, kini kita mempunyai kurang 10 peratus dan kalau boleh sehingga menjadi 20 peratus," katanya.

Beliau berkata pergerakan itu mempunyai ramai calon yang berkecayak untuk menduduki kerusi tambahan berkenaan.

Tambahan kerusi itu diperlukan oleh wanita supaya Umno lebih diyakini oleh rakyat serta dapat memberi perkhidmatan yang baik dan lebih berkesan, katanya.

--BERNAMA

BD PR